

Perubahan Kemasukan Pelajar Cina Thailand dalam Sejarah Pendidikan Cina di Pulau Pinang, 1957-1967

Changes of Thai Chinese Students Enrolment in the History of Chinese Education in Penang, 1957-1967

YANG YANG & TAN CHEE SENG*

*Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia*

Corresponding author: tancs@usm.my

Received: 11 September 2023 Accepted: 30 November 2023

Abstrak

Artikel ini mengkaji perubahan kemasukan pelajar Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang dari tahun 1957 hingga 1967, berdasarkan analisis statistik bilangan pelajar dalam majalah-majalah tamat persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang dan Sekolah Menengah Chung Ling. Selepas Perang Dunia Kedua (1939-1945), pendidikan Cina dengan Bahasa Cina sering dikaitkan dengan penyebaran komunisme, yang telah mempengaruhi hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara. Malaysia dan Thailand mengamalkan dasar yang berbeza untuk pendidikan Cina. Matlamat pendidikan Cina di Malaysia adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan bahasa ibunda kebangsaan, manakala Thailand menganggap Bahasa Cina sebagai bahasa asing yang berguna. Kajian ini menunjukkan bahawa orang Cina Thailand mempunyai alasan yang berbeza dan bilangan mereka berubah-ubah dalam mengejar pendidikan Cina di Pulau Pinang dalam tempoh yang berbeza. Dengan membandingkan jumlah pelajar Cina Thailand dalam laporan tahunan kelulusan mereka untuk dua sekolah dari tahun 1948 hingga 1956 dan dari tahun 1957 hingga 1967, objektif kajian ialah untuk mengenal pasti penurunan dalam keadaan penerimaan pelajar Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang dari tahun 1957 hingga 1967 dan faktor-faktor yang menyebabkannya. Terdapat dua hasil kajian tentang penerimaan pelajar Cina Thailand 1957-1967. Pertama, dalam tempoh itu masih terdapat pelajar Cina Thailand yang belajar di Pulau Pinang, namun jumlah mereka semakin berkurangan. Pengurangan ini disebabkan oleh kejayaan besar dasar asimilasi budaya Thailand yang berterusan, di mana nilai Bahasa Thai dan Bahasa Inggeris jelas lebih tinggi daripada Bahasa Cina kepada pelajar Cina Thailand dalam tempoh ini. Kedua, kebanyakan pelajar Thailand yang datang ke Pulau Pinang lebih cenderung memilih Sekolah Menengah Han Chiang yang tidak mengalami reformasi sistem pendidikan. Kajian juga mendapati bahawa perubahan ini berkait rapat dengan dasar pendidikan Cina Malaysia pada masa itu. Kesemua faktor telah mempengaruhi keputusan dan pilihan pelajar Cina Thailand dalam melanjutkan pendidikan Cina di Pulau Pinang dalam tempoh tersebut.

Kata kunci: Pelajar Cina Thailand; Sekolah Menengah Han Chiang; Sekolah Menengah Chung Ling; Pendidikan Cina; Dasar Asimilasi

Abstract

This article examines the changes of Thai Chinese students' enrolment in the history of Chinese education in Penang from 1957 to 1967, based on statistical analysis on the number of students from the school graduation magazines of Han Chiang High School and Chung Ling High School. After The

Second World War (1939-1945), Chinese education with its Chinese language was often associated with the spread of communism, affecting the relationships with Southeast Asian countries. Malaysia and Thailand adopted different policies for Chinese education. The goal of Chinese education in Malaysia was to establish a national mother tongue education system, while Thailand viewed the Chinese language as a useful foreign language. This study reveals that Thai Chinese had different reasons and their numbers varied in pursuing Chinese education in Penang during different periods. By comparing the number of Chinese students in Thailand in their annual graduation reports for two schools from 1948 to 1956 and from 1957 to 1967, the objective of this study is to identify the decline in the enrolment of Thailand Chinese students in Chinese education history in Penang from 1957 to 1967 and the contributing factors. There are two findings regarding the enrolment of Chinese students from Thailand from 1957 to 1967. Firstly, there were still Chinese students studying in Penang during this period, but their numbers were decreasing. This decline was attributed to the continued success of the Thai cultural assimilation policy, where the values of the Thai and English languages were perceived to be higher than the Chinese language among Chinese students in Thailand during this period. Secondly, most Thai students coming to Penang were inclined to choose Han Chiang High School, which did not undergo educational system reforms. This study also found out that this change was closely related to the Chinese education policy in Malaysia during that time. All these factors have influenced the decisions and choices of Chinese students from Thailand in pursuing Chinese education in Penang during that period.

Keywords: Thai Chinese Students; Han Chiang High School; Chung Ling High School; Chinese Education; Assimilation Policy

Pengenalan

Selepas Perang Dunia Kedua (1939-1945), pendidikan Cina dengan Bahasa Cina sering dikaitkan dengan penyebaran komunisme. Malaysia dan Thailand mengamalkan dasar yang berbeza untuk pendidikan Cina. Matlamat pendidikan Cina di Malaysia adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan bahasa ibunda kebangsaan dan menjadikan pendidikan Cina sebagai salah satu kuasa penting dalam pembinaan negara bangsa.¹ Thailand sebaliknya menganggap Bahasa Cina sebagai bahasa asing yang berguna dan pendirian ini cepat diterima oleh orang Thai, termasuk kaum Cina di Thailand.² Atas perbezaan inilah kaum Cina Thailand pergi ke Pulau Pinang di Tanah Melayu untuk meneruskan pendidikan Cina sejak tahun 1930-an. Walaupun perkembangan sejarah kaum Cina Thailand meneruskan pendidikan Cina ini terkenal di Pulau Pinang, terdapat sangat sedikit dokumen dan rekod yang berkaitan. Dari tahun 1957 hingga 1967, atas pengaruh Thailand dan dasar domestik Malaysia telah membawa kepada beberapa perubahan dalam bilangan pelajar Orang Cina Thai yang melanjutkan pelajaran Cina di Pulau Pinang. Persoalan kajian ialah bagaimana penurunan dalam keadaan penerimaan pelajar Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang dari tahun 1957 hingga 1967 berlaku dan apakah faktor-faktor yang menyebabkannya. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan kepada perubahan kemasukan pelajar Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang, 1957-1967. Objektif kajiannya ialah untuk mengenal pasti penurunan dalam keadaan penerimaan pelajar Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang dari tahun 1957 hingga 1967 dan faktor-faktor yang menyebabkannya. Sekolah Cina di Pulau Pinang yang menjadi tumpuan ialah Sekolah Menengah Chung Ling yang mulakan peringkat kelas menengah sejak tahun 1923 dan Sekolah Menengah Han Chiang yang ditubuhkan sejak tahun 1950.

Perubahan Kemasukan Pelajar Cina Thailand dalam Sejarah Pendidikan Cina di Pulau Pinang

Beberapa sumber dan kajian telah menyentuh fenomena tersebut sepintas lalu. Antara kajian-kajian sebelumnya, Pendidikan Cina di Asia Tenggara (*DongnanYa Huawen Jiaoyu*), Zhou Yu'e membincangkan ciri-ciri utama perkembangan pendidikan Cina di Asia Tenggara sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua secara keseluruhannya; Fang Xiongpu dan Xie Chengjia menggariskan keadaan umum orang Cina Seberang Laut di dunia pada akhir kurun ke-20 dalam buku Gambaran Keseluruhan Orang Cina di Luar Negara (*Huaren Huaqiao Gaikuang*). Dalam kajian Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina di Thailand (*Taiguo Jiaoyu Fazhanshi*), Li Wanyue memberi gambaran tentang sejarah perkembangan pendidikan Cina di Thailand dari perspektif perubahan politik di Thailand. J. K. P. Watson pula membincangkan seperti dipaparkan dalam tajuknya tentang konflik nasionalisme dan Orang Cina dengan pendidikan di Thailand untuk tempoh 1900-1960 (*A Conflict of Nationalism: the Chinese and Education in Thailand, 1900-1960*).

Kebanyakan literatur mengenai sejarah pendidikan di Asia Tenggara telah menganalisis dan menilai dasar ketat yang diamalkan oleh kerajaan Thailand terhadap sekolah Cina di Thailand pada kurun ke-20. Hanya sebilangan kecil kajian dari Thailand dan dalam Bahasa Inggeris menyebut sepintas lalu bahawa atas dasar tersebut, kaum Cina Thailand telah pergi ke Tanah Melayu seperti Pulau Pinang untuk meneruskan pendidikan Cina mereka. Walau bagaimanapun, fenomena tersebut jauh lebih kompleks kerana mempunyai sebab yang berbeza dengan jumlahnya juga berubah dalam tempoh yang berbeza untuk mengikuti pendidikan Cina Pulau Pinang.

Data dalam artikel ini pula diperolehi melalui penyelidikan lapangan di sekolah menengah Cina bersejarah di Pulau Pinang, terutamanya Sekolah Menengah Han Chiang dan Sekolah Menengah Chung Ling. Analisis statistik dilakukan terhadap data sejarah yang masih ada simpan di sekolah mereka, terutamanya berdasarkan majalah tamat persekolahan sekolah-sekolah tersebut. Semasa pengumpulan data dari majalah tamat persekolahan, dua kaedah digunakan. Kaedah pertama ialah kaedah kuantitatif melalui pemerhatian graf dan data pelajar dalam majalah tamat persekolahan; contohnya, seperti yang ditunjukkan dalam graf dan data pelajar graduan Sekolah Menengah Han Chiang pada tahun 1962 dan tahun 1963:



Sumber: Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang, 1962 dan 1963.

Namun, disebabkan tidak semua graf dan data pelajar dipaparkan secara langsung dalam majalah tamat persekolahan, misalnya majalah Sekolah Menengah Chung Ling. Dalam situasi ini, kaedah kedua digunakan, iaitu mengesan tempat tinggal pelajar yang dinyatakan dalam muka surat pengenalan diri pelajar. Kaedah ini lebih rumit dan memakan banyak masa, di mana perlu merujuk kepada senarai nama dan menyemak halaman-halaman maklumat tempat tinggal pelajar satu persatu. Contoh kaedah kedua seperti di bawah yang dipaparkan dalam majalah tamat persekolahan Sekolah Menengah Chung Ling tahun 1953:



Sumber: Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Chung Ling tahun 1953.

Dalam fasa analisis data, pertamanya, jumlah pelajar di sekolah dicatat dalam unit tahun, bersama dengan jumlah pelajar keturunan Cina Thailand. Kedua, peratusan pelajar keturunan Cina Thailand dalam jumlah graduan secara keseluruhan dikira. Ketiga, berdasarkan trend perubahan dalam peratusan pelajar keturunan Cina Thailand dalam jumlah graduan keseluruhan: jadual-jadual dalam artikel ini disusun mengikut kaedah yang disebutkan di atas. Dengan mengumpulkan dan menganalisis data asal mengikut kaedah yang disebutkan di atas, hasil kajian disusuli kesimpulan dapat diperolehi.

Melalui analisis data, dalam tempoh masa 1957-1967, bilangan pelajar Cina Thailand di sekolah menengah Cina Pulau Pinang telah mengalami kemerosotan berbanding tempoh sebelumnya. Keadaan pelajar kaum Cina Thailand yang belajar di Pulau Pinang sebenarnya masih wujud, tetapi jumlah tersebut secara keseluruhannya semakin berkurangan. Selain itu, kebanyakan pelajar Thailand yang datang ke Pulau Pinang cenderung memilih Sekolah Menengah Han Chiang yang tidak menerima bantuan kerajaan tetapi kekal menjadi sekolah menengah persendirian.

Hasil kajian ini memberikan gambaran yang berbeza pada tempoh tersebut (1957-1967) berbanding dengan tempoh sebelumnya, iaitu 1948-1956. Dalam tempoh dari tahun 1948 hingga 1956, statistik menunjukkan bahawa Sekolah Menengah Chung Ling di Pulau Pinang memiliki lebih daripada 110 pelajar Cina Thailand yang belajar di sana,³ dan dalam *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang* dari tahun 1953 hingga 1956 ada 14 pelajar Cina Thailand yang belajar di sana.⁴ Faktor-faktor berlakunya situasi jumlah besar pelajar Cina Thailand di Pulau Pinang untuk tempoh tersebut ialah antara 1948 hingga 1956, nasionalisme meningkat di Thailand dan pendidikan Cina terganggu. Kaum Cina Thailand menghantar anak ke Pulau Pinang untuk belajar kerana hubungan ekonomi dan budaya erat serta ada sekolah menengah Cina terkemuka di sana.

Kajian akan menunjukkan apabila masuk tempoh selepas kemerdekaan tahun 1957 di Tanah Melayu sampai 1967, perubahan telah berlaku dan bagaimana faktor-faktor seperti dasar asimilasi di Thailand dan pengaruh domestik di Tanah Melayu / Malaysia telah mempengaruhi keputusan dan pilihan pelajar Cina Thailand dalam melanjutkan pendidikan Cina di Pulau Pinang dalam tempoh

Perubahan Kemasukan Pelajar Cina Thailand dalam Sejarah Pendidikan Cina di Pulau Pinang

tersebut. Semua yang dibincangkan ini merupakan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan kadar penerimaan pelajar keturunan Cina Thailand dalam sejarah pendidikan Cina di Pulau Pinang dari tahun 1957 hingga 1967.

Penurunan Pelajar Cina Thailand dari Sekolah Menengah Cina di Pulau Pinang, 1957-1967

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, dalam *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang* antara tahun 1957 dan 1967, daripada jumlah 3152 graduan, 69 graduan merupakan pelajar Cina Thailand. Dari tahun 1964 sampai 1965, pelajar Cina Thailand menyumbang melebihi 8% daripada jumlah keseluruhan pelajar graduan. Pada masa kemelesetan ekonomi sebegini, 69 orang graduan adalah jumlah yang sangat tinggi. Namun, dalam *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang* 1957-1963, bilangan pelajar Cina Thailand adalah antara 0-3, dan 0 pada kedua-dua tahun 1958 dan 1963. Adalah didapati dalam data *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang* sebelum tahun 1956, tidak pernah berlaku kes bilangan pelajar Cina Thailand ialah 0. Ini dengan jelas menggambarkan peningkatan daya tarikan Sekolah Menengah Han Chiang terhadap pelajar Cina Thailand.

Jadual 1: Bilangan Pelajar Cina Thailand dalam *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang*, 1957-1967

Tahun	Bilangan Pelajar Cina Thailand	Jumlah Pelajar
1957	1	86
1958	0	240
1959	2	191
1960	2	262
1961	2	243
1962	1	180
1963	0	276
1964	18	212
1965	20	246
1966	4	460
1967	19	756

Sumber: *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Han Chiang*, 1957-1967 .

Jadual 2: Bilangan Pelajar Cina Thailand dalam *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Chung Ling*, 1957-1967

Tahun	Bilangan Pelajar Cina Thailand	Jumlah Pelajar
1957	2	287
1958	2	327
1959	11	707
1960	3	302
1961	2	204
1962	0	224
1963	0	309
1964	2	208
1965	0	203
1966	0	238
1967	1	426

Sumber: *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Chung Ling*, 1957-1967.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 yang berdasarkan data *Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Chung Ling* mempunyai seramai 3,435 graduan dari tahun 1957 hingga 1967, termasuk 23 pelajar graduan Cina Thailand. Data memaparkan kecuali tahun 1959 yang mencapai 11 pelajar, tiada pelajar graduan Cina Thailand pada tahun-tahun 1962, 1963, 1965 dan 1966. Berdasarkan data statistik, diketahui bahawa bilangan graduan pelajar Cina Thailand dari Sekolah Menengah Chung Ling dalam tempoh 1948 hingga 1956 adalah sebanyak 191 orang dan menurun ke hanya 23 graduan Cina Thailand pada 1957-1967. Perbezaan antara dua tempoh adalah kira-kira 8 kali ganda. Perbandingan kedua-dua set data menunjukkan bahawa daya tarikan Sekolah Menengah Chung Ling terhadap pelajar Cina Thailand terus menurun. Perbandingan Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan perbezaan yang ketara dalam jumlah pelajar Thailand antara dua buah sekolah pada tempoh yang sama. Maka, dapat dikenal pasti bahawa pada masa yang sama, jumlah pelajar Cina Thailand di Sekolah Menengah Han Chiang adalah tiga kali ganda daripada Sekolah Menengah Chung Ling.

Berdasarkan analisis data yang telah dipaparkan, dapat dibuat dua kesimpulan yang jelas: pertama, sepanjang tahun 1957-1967, terdapat penurunan signifikan dalam jumlah pelajar Cina Thailand yang datang ke Pulau Pinang untuk belajar, walaupun kehadiran mereka masih dikesan. Selain itu, pada tempoh 1957-1967, daya tarikan Sekolah Menengah Han Chiang terhadap pelajar Cina Thailand jauh lebih besar daripada Sekolah Menengah Chung Ling. Seperti yang diketahui umum, dalam tempoh 1957-1967, terdapat perubahan penting dalam pendidikan Cina di Malaysia dan Thailand. Akibatnya, terdapat penurunan jumlah pelajar Cina Thailand yang melanjutkan pelajaran di Pulau Pinang pada tempoh tersebut, dan lebih cenderung memilih Sekolah Menengah Han Chiang.

Namun, dalam tempoh 1957-1967 juga, baik Malaysia mahupun Thailand mengalami perubahan besar dalam pendidikan Cina. Dengan ini, penurunan jumlah pelajar Cina Thailand yang belajar di Pulau Pinang pada tempoh tersebut, serta kecenderungan mereka lebih memilih Sekolah Menengah Han Chiang, berkaitan dengan dasar yang diterapkan di Thailand dan Malaysia pada masa tersebut.

Latar Belakang Penyebab Penurunan Bilangan Pelajar Cina Thailand di Pulau Pinang, 1957 -1967

Selepas tahun 1960-an, pendidikan kaum Cina di seluruh dunia mula merosot, penanda utamanya ialah pengurangan ketara dalam bilangan sekolah kaum Cina. Mengikut statistik Fang Xiongpu dalam Gambaran Keseluruhan Orang Cina di Luar Negara (*Huaren Huaqiao Gaikuang*), pada tahun 1965 asalnya terdapat 5,074 sekolah kaum Cina di dunia (termasuk Hong Kong dan Macau), tetapi kemudiannya 1,344 di Indonesia ditutup, dan 223 di Myanmar juga diarahkan tutup, menjadikan hanya 3,507 sekolah masih kekal.⁵ Jika ditinjau tempoh lebih awal iaitu selepas tahun 1950-an, sekolah menengah Cina tidak dibenarkan dibuka di Thailand, dan hanya gred 1 hingga 4 dibenarkan mengajar Bahasa Cina untuk 10 jam seminggu, dan pelajar tidak dibenarkan mengambil kursus sejarah dan geografi tentang China.⁶ Di bawah dasar ini, bilangan sekolah Cina di Thailand berkurangan, daripada 430 pada tahun 1948 kepada 230 pada tahun 1951 dan 217 pada tahun 1955.⁷

Di Thailand, disebabkan oleh sekatan terhadap pendidikan kaum Cina dan penurunan berterusan bilangan sekolah Cina, kelas persendirian anjuran keluarga Cina telah dipopularkan di Thailand sejak akhir 1950-an. Kelas tersebut dianjurkan dengan beberapa keluarga mengupah orang yang memahami Bahasa Cina untuk mengajar anak-anak mereka Bahasa Cina di rumah, dengan tidak lebih daripada 7 orang dalam setiap kelas.⁸ Mulai tahun 1960-an, terdapat beratus-ratus kelas anjuran keluarga Cina di Thailand, yang merupakan produk khas pendidikan Cina di Thailand.⁹ Pada tahun 1960, pendidikan kaum Cina di kebanyakan negara Asia Tenggara telah tergendala atas tekanan politik.¹⁰ Akibatnya, tiada pengganti dalam pendidikan Bahasa Cina, dan hanya Malaysia

yang masih berterusan. Sebelum dan selepas Malaysia merdeka, pendidikan kaum Cina di Malaysia menghadapi banyak undang-undang pendidikan kerajaan yang ketat dan membebankan. Undang-undang pendidikan yang diisytiharkan dari tahun 1951 sampai 1954 tidak sesuai untuk perkembangan pendidikan kaum Cina di Malaysia.

Pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman menandatangani Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu, dan Tanah Melayu secara rasmi menjadi negara merdeka. Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu ialah undang-undang negara yang mempunyai kuasa perlembagaan. Ia dengan jelas menetapkan sistem kenegaraan Tanah Melayu, sistem politik dan kaedah tadbir urus negara. Ia mengiktiraf bahawa orang Melayu, kaum Cina dan kaum India semuanya telah memberikan sumbangan penting kepada penubuhan Tanah Melayu. Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu berjanji: Melayu, Cina dan India adalah sama taraf, hak, dan etnik, dan mereka bebas mengembangkan pendidikan, budaya, dan pelbagai usaha sosial mereka sendiri.¹¹ Perkara 3 Ordinan Pelajaran 1957 dengan jelas menetapkan bahawa negara melaksanakan dasar pendidikan kesaksamaan dan kebebasan, dan menggalakkan pembangunan sama rata pendidikan, budaya dan usaha lain di kalangan semua kumpulan etnik.¹² Oleh itu, walaupun pendidikan Cina di Malaysia dihadkan, ia tidak merosot secepat seperti di Thailand.

Dasar Asimilasi Berterusan Thailand dan Kaum Cina Thailand Menerima Thaiisasi

Walaupun asas pendidikan kaum Cina di Thailand telah dimusnahkan seawal akhir tahun 1940-an, dan dalam tempoh 1957-1967 kerajaan Thailand masih meneruskan dasar keras ke atas pendidikan kaum Cina yang bermula sejak tahun 1930-an. Hal ini membawa kepada kemerosotan secara beransur-ansur pendidikan Cina Thailand dalam tempoh ini. Pada tahun 1948, sekolah Cina di Thailand telah banyak berkurangan. Selain tiada sekolah menengah Cina di Thailand, tahap pendidikan Cina di Thailand telah menurun dengan cepat. Dalam tempoh ini, pendidikan Cina di Thailand sebenarnya tidak lagi boleh digelar sebagai pendidikan kaum Cina. Menurut Watson J.K.P:

“Dari tahun 1948 hingga 1956, kerajaan Thailand mengurangkan bilangan sekolah Cina daripada 490 kepada 195 (185 pada tahun 1958), mengurangkan bilangan pelajar di sekolah-sekolah ini daripada 175,000 kepada 63,000, dan mengharamkan pemindahan semua sekolah menengah kecuali dua sekolah bahasa asing di Bangkok. Angka itu kemudian telah menurun secara berterusan”.¹³

Umumnya dipercayai ia berpunca daripada dasar asimilasi berterusan Thailand, tetapi ia boleh dianalisis dalam tiga aspek yang lebih spesifik. Pertama, sekatan ke atas bahan pengajaran Bahasa Cina. Kedua, sekatan terhadap sistem akademik sekolah Cina. Ketiga, permintaan pendidikan Cina untuk kepraktisan orang Cina dikurangkan.

Pertama, untuk sekatan ke atas bahan pengajaran Bahasa Cina, Kementerian Pendidikan Thailand mula mengadaptasi buku teks Cina. Oleh sebab buku teks pada masa ini kebanyakannya dari Hong Kong dan Taiwan, penyusunan kandungan lebih cenderung untuk menyampaikan pengetahuan tentang geografi dan sejarah China. Menurut rekod dalam buku *A Conflict of Nationalism: The Chinese and Education in Thailand, 1900-1960*, “Saya cinta China” sering tertera dalam buku-buku teks selain “*China is our motherland*” (China merupakan tanah air kami) dan sebagainya.¹⁴ Sudah tentu, kandungan sebegitu amat tidak sesuai dengan dasar Thaiisasi kerajaan Thailand, jadi adalah wajar untuk menyesuainya. Kementerian Pendidikan Thailand telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengadaptasi buku teks Bahasa Cina. Dari tahun 1966 sampai 1969, Kementerian Pendidikan Thailand secara beransur-ansur menggantikan buku teks Bahasa Cina.¹⁵ Walaupun tiada bukti kukuh yang boleh mengesahkan sama ada dasar-dasar ini disebabkan oleh dasar asimilasi kerajaan Thailand

atau tindakan sengaja terhadap pendidikan Bahasa Cina, tetapi kenyataan yang benar adalah dasar-dasar ini telah mengakibatkan tahap penguasaan Bahasa Cina oleh pelajar tidak sebaik sebelum ini.

Kedua, sekatan terhadap sistem akademik sekolah Cina. Pada tahun 1960, kerajaan Thailand mengumumkan “การพัฒนาหลักสูตรการศึกษาของชาติ” (Program Pembangunan Pendidikan Kebangsaan), yang melaksanakan pendidikan wajib tujuh tahun dengan melanjutkan pendidikan wajib asal empat tahun kepada tujuh tahun. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Thailand telah mengurangkan secara drastik bilangan kursus yang diajar dalam Bahasa Cina, membenarkan hanya empat kursus (membaca, menulis, etiket dan sivik) diajar dalam Bahasa Cina, dan menegaskan bahawa semua buku teks yang digunakan di sekolah Cina mesti memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan.¹⁶ Dengan cara ini, kerajaan Thailand bukan sahaja memastikan pelajar Cina di sekolah Cina Thailand tidak dapat menguasai bahasa Mandarin, apatah lagi mempelajari sejarah, sastera dan budaya Cina. Langkah ini secara langsung melemahkan keperluan sekolah menengah Cina di Thailand untuk membawa guru Cina dari China, dan secara tidak langsung memusnahkan keseluruhan asas pendidikan kaum Cina di Thailand. Kerajaan Thailand menegaskan bahawa guru-guru Thai hanya mempunyai permit kerja untuk dibenarkan mengajar di sekolah-sekolah Thai. Oleh itu, guru-guru di sekolah Cina Thailand mesti lulus ujian Bahasa Thai yang diadakan di Thailand.¹⁷ Lebih-lebih lagi, kos guru dari China menjadi sangat tinggi sehingga menyebabkan guru Cina yang diimport dari China diganti secara beransur-ansur oleh guru Cina kelahiran Thailand. Pada penghujung tahun 1960, hanya tinggal 177 sekolah kaum Cina.¹⁸ Tambahan lagi, sekolah Cina terus ditutup oleh kerajaan Thailand, atau secara automatik atas sebab ekonomi. Walaupun sukar untuk mendapatkan angka yang tepat, dipercayai terdapat 211 sekolah rendah yang berkhidmat kepada 83,606 pelajar Cina pada tahun 1962, iaitu kira-kira 10% daripada jumlah populasi pelajar sekolah rendah Cina di Malaysia.¹⁹

Pada tahun 1965, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan peraturan baharu, yang memutuskan bahawa sekolah rendah harus melaksanakan sistem persekolahan 7 tahun, dengan 1-4 tahun sebagai sekolah rendah rendah dan 5-7 tahun sebagai sekolah rendah tinggi. Peraturan baharu itu memberi impak besar kepada pendidikan Cina.²⁰ Mengikut peraturan sekolah swasta, pendidikan Cina boleh bertahan selama 1-4 tahun, tetapi sistem persekolahan pada masa ini adalah 7 tahun, yang menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai Bahasa Cina untuk belajar selepas tamat sekolah rendah, jadi mereka perlu pindah ke sekolah bahasa Thai. Dengan ini, bahasa Cina yang dipelajari dulu tidak dapat diguna berterusan, membuang masa, sampai menjadikan ramai ibu bapa membuat keputusan tidak hantar anak ke sekolah Cina 7 tahun.²¹ Oleh itu, sekolah Cina dalam tempoh ini terjejas teruk, dan bilangan pelajar di sekolah Cina menurun dengan mendadak.

Menghadapi penurunan bilangan pelajar, banyak sekolah Cina yang disokong oleh persatuan alumni atau yayasan kebajikan memutuskan untuk mengambil langkah menarik pelajar dengan mengecualikan yuran pengajian, tetapi langkah sedemikian tidak berkesan. Menjelang tahun 1967, bilangan sekolah rendah Cina telah menurun daripada 211 kepada 132.²² Perkara paling penting ialah buku teks yang digunakan di sekolah rendah Cina di Thailand dihasilkan bawah seliaan kerajaan Thailand. Masa maksimum yang dibenarkan oleh kerajaan Thailand untuk pengajaran Bahasa Cina adalah hanya 10 jam seminggu.²³ Namun, kebanyakan sekolah Cina kecuali Bangkok hanya mempunyai maksimum enam jam pengajaran Bahasa Cina setiap minggu, kerana hanya dengan cara ini sekolah Cina ini layak untuk diberi bantuan kewangan kerajaan.

Sejak awal kurun ke-20, pendidikan Cina di Thailand memiliki ciri-ciri tempatan yang lebih jelas daripada negara-negara lain di Asia Tenggara yang lebih menarik adalah kualiti pengajaran di sekolah Cina di Thailand dari tahun 1930-an sering kali menjadi bahan perdebatan. Ini kerana ramai guru di sekolah rendah adalah orang Cina Thailand, dan guru-guru ini sendiri mungkin memiliki pengetahuan yang terbatas tentang sejarah, geografi, dan budaya Cina.²⁴ Beberapa guru bahkan tidak tahu tentang seni kaligrafi Cina.²⁵ Justeru itu, tahap pendidikan Cina di Thailand pada waktu itu sangat

terbatas.²⁶ Bahasa Cina tidak diajar sama sekali dalam kurikulum am di peringkat menengah sekolah Thai, kecuali di sekurang-kurangnya sebuah sekolah di tenggara Thailand kerana kegunaannya sebagai bahasa perniagaan.²⁷ Oleh itu, sangat sedikit kanak-kanak Cina yang mendapat pendidikan Cina di Thailand yang mahir dalam bahasa Mandarin. Ini bermakna tidak seperti orang Cina di Singapura dan Malaysia, pengetahuan kaum Cina Thailand tentang Bahasa Cina tidak mencukupi untuk mereka belajar di universiti dengan bahasa pengantar Bahasa Cina sama ada di Hong Kong atau Taiwan, dan mereka hanya boleh memasuki universiti di Thailand. Selain itu, faktor terpenting yang menyebabkan orang Cina di Thailand dalam tempoh ini melepaskan perjuangan mereka menentang penguasaan kurikulum, buku teks dan guru Thailand ialah penjelasan kerajaan Thailand tentang kepentingan peperiksaan kebangsaan dan kemasukan ke pekerjaan di sektor awam. Kaum Cina Thailand perlu lulus peperiksaan ini untuk kemasukan ke universiti dan pekerjaan di sektor awam.²⁸

Ketiga, permintaan pendidikan Cina untuk kepraktisan orang Cina dikurangkan. Dari perbincangan di atas dapat dilihat bahawa pendidikan Cina pada tahun 1960-an beransur-ansur menjadi lembap dan merosot. Keluarga Cina perlu mempertimbangkan kehidupan masa depan anak-anak mereka, jadi mereka telah meninggalkan sekolah Cina dan memilih sekolah Thai, membolehkan kanak-kanak Cina belajar bahasa Thai sejak kecil.²⁹ Akibatnya, semakin sedikit keturunan Cina yang dapat memahami Bahasa Cina, dan ramai keturunan Cina bukan sahaja tidak boleh berbahasa Cina, malah dialek asli Cina mereka sendiri.³⁰ Dari segi struktur budaya, generasi pertama lelaki Cina yang berhijrah dari China, kebanyakannya dilahirkan dalam kalangan pekerja, dan tahap budaya mereka tidak begitu tinggi, biasanya hanya peringkat sekolah rendah. Generasi kedua orang Cina pula dilahirkan di Thailand, di bawah pengaruh orang tua mereka, dapat memilih untuk belajar Bahasa Cina di Thailand sebelum Perang Dunia Kedua atau memilih untuk kembali ke China. Selepas perang, mereka pada asasnya adalah generasi ketiga atau keempat Cina. Atas pelbagai sebab, mereka secara amnya memilih untuk belajar Bahasa Thai dan Inggeris. Penguasaan Bahasa Cina mereka agak rendah, tetapi tahap budaya mereka agak tinggi, dan mereka secara amnya boleh mencapai tahap sekolah menengah teknik atau universiti.³¹ Adalah dilihat bahawa status Bahasa Cina semakin berkurangan, tetapi status Bahasa Thai atau Inggeris semakin bertambah baik. Keluarga Cina dan kanak-kanak Cina mesti mengambil kira faktor praktikal, jadi penekanan terhadap Bahasa Cina semakin berkurangan, malah terdapat kecenderungan untuk menggantikan Bahasa Cina dengan Bahasa Thai.³²

Pada masa ini juga, berbeza dengan keadaan sebelumnya, penggunaan Bahasa Cina secara komersial sememangnya semakin berkurangan. Bahasa Cina dahulu merupakan bahasa pengantar yang penting untuk perniagaan Thai. Namun, dengan perkembangan perniagaan dan teknologi yang semakin meningkat, setakat Thailand, Bahasa Thai memadai digunakan terutamanya untuk hubungan perniagaan, manakala pertukaran perdagangan bergantung terutamanya pada Bahasa Inggeris.³³ Oleh itu, kadar penggunaan Bahasa Cina adalah sangat rendah, maka pengurangan nilai praktikal Bahasa Cina juga merupakan sebab penting mengapa pendidikan Cina semakin berkurangan. Melalui hampir setengah abad dasar asimilasi Thailand, kaum Cina Thailand dengan cepat disepadukan ke dalam masyarakat Thailand dalam tempoh dari 1957 sampai 1967. Kebanyakan orang Cina menyedari nilai belajar Bahasa Thai, terutamanya jika anak-anak mereka berniaga di Thailand.

Oleh itu, semangat kaum Cina Thailand untuk belajar di Pulau Pinang mula merosot, yang menjadi punca utama penurunan bilangan pelajar Cina Thailand di sekolah Cina Pulau Pinang. Bagi orang Cina untuk terus hidup dan membangun di Thailand, pendidikan Cina yang asli tidak lagi membantu mereka untuk lebih memahami pengetahuan budaya dan kemahiran hidup tempatan, apatah lagi bersaing dengan kumpulan etnik tempatan lain untuk pembangunan.³⁴ Seperti Wang Wensheng, Presiden Persatuan Keluarga Wang di Thailand menjelaskan: "Kami... telah lama mengubah persinggahan kami ini menjadi sebuah keluarga, tinggal di tanah asing seperti kampung halaman. Walaupun kami mempunyai konsep kampung halaman dan negara, kami tidak berniat untuk

kembali ke akar umbi (China) kami.”³⁵ Ini sememangnya mencerminkan realiti identiti kaum Cina Thailand kerana dasar asimilasi jangka panjang Thailand. Maka, identiti orang Cina dalam tempoh ini telah pun berubah. Mereka menganggap Thailand sebagai kampung halaman dan tanah air mereka. Walaupun orang Cina di Thailand masih mempunyai kasih sayang keluarga terhadap China, mereka tidak pernah mempunyai idea untuk “*luoye guigen*” (mengembalikan daun ke akar mereka).

Bagi anak muda Cina Thailand, mereka dilahirkan di Thailand, dibesarkan di Thailand, dan rakan-rakan serta ahli keluarga mereka semuanya berada di Thailand. Oleh itu, ideologi mereka tidak berbeza dengan orang Thai. Thailand adalah tempat mereka membuat sumbangan dan mendirikan rumah. Secara terang-terangan, anak muda Cina Thai tidak lagi mempunyai jati diri dengan China. Dalam tempoh ini, orang Cina di Thailand secara meluas percaya bahawa anak-anak orang Cina yang dilahirkan di Thailand adalah orang Thai secara sah, jadi keturunan orang Cina harus belajar Bahasa Thai dan menerima budaya Thai untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka dan keperluan era baru.³⁶ Perubahan ideologi orang Cina di Thailand dalam tempoh ini menyebabkan pendidikan Cina di Thailand tidak bermakna. Dengan ini, sebilangan besar sekolah Cina telah ditutup. Walaupun ada masih wujud, ibu bapa Cina tidak akan menghantar anak mereka ke sekolah Cina.³⁷ Mengikuti suratkhbar Cina Singapura, *Lianhe Zaobao*, dalam tempoh ini: “keluarga kaum Cina Thailand tidak lagi menganggapnya sebagai satu perkara penting untuk anak-anak mereka menerima pendidikan Cina”.³⁸

Dalam satu aspek lain, dasar kerajaan Thailand sejak tahun 1948 telah memberi kesan yang sangat memihak kepada asimilasi kaum Cina menjadi orang Thailand.³⁹ Dengan tujuan meningkat kekayaan dan kuasa pemimpin golongan elit Cina di Thailand, semakin ramai orang Cina Thailand menerima pendidikan gaya Thailand. Ini disebabkan oleh janji kerajaan Thailand kepada elit Cina Thailand, yang menyatakan bahawa selagi mereka menjadi contoh yang menerima budaya Thailand, kerajaan akan memastikan keturunan mereka dapat mewarisi kedudukan dan kekayaan keluarga mereka. Pemimpin-pemimpin masyarakat Cina di Thailand semakin kerap menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Thai daripada sekolah-sekolah Cina. Dengan peningkatan ini, keluarga-keluarga Cina biasa juga cenderung untuk mengikuti contoh golongan elit Thailand dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Thai. Ini menunjukkan bahawa pemimpin Cina mungkin melalui teladan mereka memimpin seluruh masyarakat Cina ke arah integrasi yang lebih besar iaitu menjadi sebahagian daripada masyarakat Thai yang lebih besar.⁴⁰

Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia dalam Menghadapi Kesukaran Besar

Dalam usahanya untuk mewujudkan nasionalisme Tanah Melayu yang sama dalam kalangan rakyat berbilang kaum, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka mengelak kedua-dua pendekatan Thai dan Indonesia dalam mengatasi masalah pendidikan Cina. Ia tidak bercadang untuk mengurangkan bilangan atau menukar bahasa pengantar sekolah Cina, yang pada 1957 kemasukan pelajar telah melebihi 320,000.⁴¹ Sebaliknya, ia bertujuan untuk membawa semua sekolah vernakular ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dengan berorientasi Tanah Melayu, disatukan terutamanya melalui latihan perguruan biasa dan sukatan pelajaran kandungan bersama. Pengajaran dalam Bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan, sudah berjalan lancar di hampir semua sekolah Cina, dan latihan semula guru Cina telah bermula. Melalui data dalam jadual 1 dan 2, jelas menunjukkan bilangan pelajar Cina Thailand di sekolah-sekolah menengah Cina Pulau Pinang mula menurun dengan ketara dalam tempoh sejak tahun 1957.

Sejak kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 sehinggalah pengumuman Akta Bahasa Kebangsaan 1967 pada tahun 1967, banyak dasar pendidikan telah diisytiharkan dalam tempoh ini yang telah banyak memberi kesan kepada pendidikan kaum Cina di Malaysia. Dalam tempoh ini, pendidikan

kaum Cina di Malaysia menghadapi cabaran yang besar. Sebahagian besar sekolah menengah Cina di Malaysia memilih untuk mengubah suai sistem asal bagi mendapatkan pengesahan sebagai sekolah kerajaan untuk menerima subsidi daripada kerajaan Malaysia.⁴² Walau bagaimanapun, daya tarikan sekolah menengah Cina, yang telah disusun semula sebagai sekolah kerajaan seperti Sekolah Menengah Chung Ling, kepada pelajar Cina Thailand mula merosot. Perubahan ini merupakan salah satu sebab mengapa bilangan pelajar Cina Thailand di sekolah menengah Cina Pulau Pinang mulai menurun dalam tempoh ini.

Dasar Pendidikan Kerajaan Tanah Melayu / Malaysia 1957-1967

Sekiranya ditinjau lebih terperinci dasar-dasar pendidikan yang digubal di Tanah Melayu / Malaysia mempunyai justifikasinya yang perlu disesuaikan dengan latar belakang sejarah dan situasi tempatan. Dalam tempoh 1957-1967, Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 diikuti pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka sama seperti negara-negara lain di Asia Tenggara, menghadapi masalah untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Jelas sekali, pendidikan adalah satu cara penting perpaduan negara dan amat penting kepada pembangunan masa depan Malaysia. Oleh itu, adalah amat perlu bagi kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan dasar pendidikan yang berkaitan perpaduan bangsa. Dengan lokasi geografi yang unik dan persekitaran semula jadi yang unggul, kawasan Tanah Melayu telah menjadi kawasan yang ditandingi kuasa-kuasa besar sejak zaman dahulu lagi.⁴³ Kawasan Tanah Melayu merupakan tanah jajahan British sebelum Perang Dunia Kedua disusuli telah dijajah oleh Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan penjajah British kembali semula, tetapi gerakan anti-penjajahan di Tanah Melayu meningkat dalam tempoh ini. Konflik antara Parti Komunis Malaya (PKM) dan kerajaan penjajah British menambahkan lagi ketidakstabilan di kawasan Tanah Melayu.⁴⁴ Pada tahun 1948, kerajaan penjajah British mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu (1948-1960). Atas situasi ini juga, kerajaan penjajah British mula campur tangan dalam pendidikan kaum Cina Tanah Melayu.

Pada tahun 1951, *Laporan Barnes* mencadangkan pengenalan sekolah dwibahasa dan pemansuhan beransur-ansur semua sekolah bukan Melayu.⁴⁵ Ini jelas ditentang hebat oleh kaum Cina dan kaum India. Sebuah institusi India yang terkenal, melaporkan situasi di universiti-universiti India, menyimpulkan bahawa:

“melainkan pelajar mula-mula bertapak kukuh dalam bahasa ibunda mereka dan dilatih dengan baik untuk berfikir dalam bahasa ibunda mereka, nilai pendidikan tunjuk ajar dalam bahasa asing boleh dipersoalkan. Idealnya tentang mengajar setiap kanak-kanak untuk berfikir dahulu dalam bahasa ibunda mereka. Masalah dengan sistem pendidikan India kita ialah cita-cita ini telah diabaikan sejak zaman Mac Caulay.”⁴⁶

Orang Cina pula takut bahasa dan budaya mereka akan hilang, maka pihak mereka juga mengemukakan satu lagi laporan iaitu *Laporan Fenn-Wu 1951*. Laporan itu mengakui keperluan untuk bahasa kebangsaan tetapi menentang keras pemansuhan sekolah menengah Cina. Walaupun dasar-dasar pendidikan baharu ini akan menghalang pembangunan pendidikan kaum Cina, atas pelbagai sebab, pendidikan kaum Cina di kawasan Tanah Melayu dalam tempoh ini masih tidak diganggu secara serius dan mengekalkan momentum pembangunan yang rancak.⁴⁷

Pada tahun 1955, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bawah penjajah British mengumumkan bahawa ia akan melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan “diterima oleh semua kumpulan etnik,

dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, sambil memelihara dan mempromosikan bahasa dan budaya orang bukan Melayu di negara ini”.⁴⁸ Pada tahun 1956, laporan pendidikan Tanah Melayu yang paling terkenal “*Penyata Razak 1956*” (atau *Laporan Razak 1956*) telah dihasilkan. Laporan ini memberi impak yang besar kepada sekolah menengah Cina di Tanah Melayu / Malaysia, menjadikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) di Tanah Melayu / Malaysia muncul. *Penyata Razak 1956* mencadangkan pemansuhan secara beransur-ansur sekolah rendah Bahasa Inggeris dan digantikan dengan sekolah rendah Bahasa Melayu (dikenali sebagai sekolah kebangsaan), dan penubuhan atau pengiktirafan rasmi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil. Jika diperhatikan lebih lanjut, *Penyata Razak*, yang diterbitkan pada 6 Mei 1956 itu, mencadangkan perkara berikut:

“...satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh diterima oleh rakyat Persekutuan dan mampu memenuhi keperluan mereka untuk pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka, ia juga menganggap Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, di samping memelihara dan mempromosikan bahasa dan budaya kaum lain di negara kita.”⁴⁹

Sekolah-sekolah rendah di Malaysia akan dibahagikan kepada dua jenis: satu ialah Sekolah Kebangsaan dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar; satu lagi Sekolah Jenis Kebangsaan dengan bahasa pengantar Inggeris, Cina atau Tamil. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) akan ditubuhkan di Malaysia. Semua sekolah tersebut akan berusaha ke arah kurikulum dan peperiksaan yang sama. Bahasa pengantar bukanlah isu utama kerana sebuah sekolah mungkin menggunakan lebih daripada satu bahasa pengantar.⁵⁰ Walaupun Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib di SMJK⁵¹, tidak ada peruntukan nyata bahawa SMJK Cina tidak boleh terus wujud atau tidak boleh menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Jika terdapat sekurang-kurangnya 15 atau lebih ibu bapa memohon untuk mengajar Bahasa Cina, maka sekolah boleh mengajar kursus bahasa Cina di sekolah tersebut.⁵²

Jelaslah bahawa Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu akan menjadi bahasa wajib di seluruh sistem Malaysia dan akan ada sukatan pelajaran yang sama. Sebenarnya, jika rujuk kepada kemunculan SMJK, pada Disember 1956, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan satu pengumuman yang mencadangkan untuk mengubah sekolah menengah Cina kepada SMJK, dan sekolah menengah Cina yang disusun semula ini akan menerima subsidi kerajaan. Terdapat 20 syarat yang perlu dipenuhi untuk penstrukturan semula sekolah menengah Cina, termasuk: pihak berkuasa sekolah menandatangani perjanjian dengan kerajaan, menerima pelbagai peraturan pihak berkuasa, dan mengambil pelajar yang mengambil peperiksaan kemasukan sekolah rendah mengikut keperluan Biro Malaysia. Pelajar di sekolah tersebut akan mengambil bahagian dalam peperiksaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Ia digunakan sebagai bahasa pengantar untuk Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda Negeri Persekutuan dan Diploma Lanjutan, dan sebagainya.⁵³ Secara ringkasnya, dari sudut pedagogi, sekiranya sekolah menengah Cina menerima 20 syarat ini, bukan sahaja pembangunan sekolah itu sendiri akan disekat, malah sifat pendidikan kaum Cina juga akan berubah.

Jika ditinjau lebih lanjut, pada tahun 1957, lahir satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui *Penyata Razak 1956* dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, menjadi dasar pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka. Akibat Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan menimbulkan reaksi yang hebat pada ketika itu, terdapat gerakan pelajar di seluruh negara. Oleh itu, Jawatankuasa Kajian Pelajaran yang diketuai Rahman Talib mengkaji semula “Akta Pendidikan 1957”. *Penyata Razak 1956* telah diluluskan dalam Dewan Undangan pada tahun 1957 sebagai Akta Pendidikan dan dengan itu dasar pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka. Perkara ketiga Akta Pendidikan berbunyi seperti berikut:

“Dasar pendidikan Persekutuan bertujuan untuk membangunkan sistem pendidikan kebangsaan yang boleh diterima oleh semua rakyat di Persekutuan. Sistem ini akan memenuhi keperluan rakyat dan mempromosikan budaya, pembangunan sosial, ekonomi dan politik rakyat. Tujuannya adalah untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping mengekalkan dan menyokong perkembangan bahasa dan budaya bukan Melayu di negara ini.”⁵⁴

Akta ini memperuntukkan penubuhan “Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan” (SMJK)⁵⁵ SMJK ialah sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil atau mana-mana dua bahasa ini sebagai bahasa pengantar. Sekolah menengah sebegini menyediakan lima tahun pendidikan menengah, dan apabila Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bukan bahasa pengantar, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran wajib. Namum, demonstrasi dan petisyen aman tercetus di banyak sekolah Cina di negara ini.⁵⁶ Apabila Mohamed Khir Johari mengambil alih jawatan Menteri Pendidikan pada tahun 1957, beliau mengkritik: “...pejabat saya seperti pejabat tentera; peta dan carta terpampang di mana-mana, menunjukkan tempat demonstrasi dan rusuhan berlaku di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.”⁵⁷

Pada tahun 1959, Jawatankuasa Penyemak Pelajaran ditubuhkan bagi mengkaji semula pelaksanaan *Laporan Razak* dan langkah-langkah bagi mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan. Jawatankuasa ini diketuai oleh Abdul Rahman bin Haji Talib. Cadangan *Laporan Abdul Rahman Talib* berkaitan sekolah menengah Cina adalah seperti berikut: Pertama, mulai 1 Januari 1962, kerajaan harus menghentikan peruntukan dana subsidi untuk sekolah menengah, dan hanya sekolah yang telah disusun semula menjadi SMJK boleh menerima sepenuhnya sokongan daripada kerajaan pembiayaannya. Sekolah-sekolah yang enggan ditukar kepada SMJK tidak akan bergabung dengan sistem pendidikan kebangsaan, tetapi akan menjadi sekolah menengah persendirian.⁵⁸ Kedua, SMPC boleh dibiarkan terus wujud selagi ia memenuhi syarat-syarat berikut:

“Pelantikan lembaga pengarah hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia hendaklah didaftarkan mengikut Akta Pendidikan 1957. Ia mestilah mengikut garis besar kurikulum biasa yang ditetapkan oleh Biro Pendidikan dalam jadual waktu dan mata pelajaran serta sebagainya. Sekolah Cina dikehendaki mematuhi keperluan kebersihan dalam Peraturan yang diisytiharkan pada tahun 1956. Pengarah Pendaftar Sekolah akan membatalkan pendaftaran mana-mana sekolah yang tidak mematuhi peraturan di atas.”⁵⁹

Ketiga, pelajar Sekolah Menengah Persendirian tidak dipaksa untuk mengambil peperiksaan awam tetapi mereka boleh melakukannya secara sukarela.⁶⁰ Laporan ini kemudiannya diperkenalkan ke dalam Akta Pelajaran 1961, sekali gus membentuk sistem pendidikan Malaysia. Akta Pelajaran 1961 memberi impak yang besar kepada pendidikan Cina di Malaysia, dan juga menjadikan SMPC muncul di Malaysia. Seperti bahagian lain di Malaysia, sekolah menengah Cina di Pulau Pinang menghadapi isu penstrukturan semula juga.

Pada hakikatnya, sekolah menengah Cina di Malaysia pada awalnya mengambil pendirian yang konsisten terhadap Akta Pendidikan 1957. Bagaimanapun, kedudukan mereka mula goyah apabila *Laporan Abdul Rahman Talib* menetapkan bahawa sebahagian daripada subsidi untuk sekolah menengah perlu dihentikan mulai 1 Januari 1962, dan hanya bantuan kepada SMJK.⁶¹ Hal ini berlaku kerana, banyak sekolah menengah Cina memerlukan pembiayaan kerajaan untuk terus hidup. Akhirnya, atas sebab ekonomi dan sebab-sebab lain, lebih separuh daripada 41 sekolah menengah Cina pada masa itu menerima reformasi ke arah SMJK dengan bahasa pengantar Bahasa Inggeris,

dan baki 14 sekolah menengah Cina menjadi SMPC.⁶² Di Pulau Pinang, Sekolah Menengah Chung Ling, sebagai sekolah menengah Cina yang paling terkenal di negara ini, menjadi pelopor dengan menerima pembaharuan pada kali pertama dan menjadi SMJK Cina pertama di Malaysia. Sekolah Menengah Han Chiang pula menjadi SMPC, dan ia juga menjadi satu-satunya sekolah menengah persendirian di utara Semenanjung Malaysia pada masa itu.⁶³

Akhirnya, sejajar dengan situasi dan perubahan di Thailand, dasar-dasar pendidikan Malaysia yang menghasilkan dua jenis sekolah menengah Cina berlainan iaitu SMJK dan SMPC menjadikan Pulau Pinang yang menjadi tumpuan pelajar Cina Thailand menerima kesan besar itu. Kemasukan pelajar Cina Thailand dalam tempoh 1957-1967 bukan sahaja berkurangan tetapi juga lebih cenderung melanjutkan pelajaran peringkat menengah ke Sekolah Menengah Han Chiang yang merupakan SMPC berbanding Sekolah Menengah Chung Ling yang telah menjadi SMJK. Di antara sekolah menengah Cina di Pulau Pinang, sekumpulan sekolah menengah Cina yang mempunyai sejarah panjang dan pengaruh besar di Malaysia menjadi SMJK dengan hanya Sekolah Menengah Han Chiang pada masa tersebut telah menjadi SMPC dan, yang membawa impak yang kuat terhadap pendidikan Cina di Malaysia.⁶⁴ Atas sebab di SMJK, Bahasa Melayu beransur-ansur menggantikan Bahasa Inggeris menjadikan mata pelajaran wajib, telah meningkatkan kesukaran bagi kaum Cina Thailand dan bertentangan niat asal mereka meninggalkan Thailand ke Pulau Pinang untuk meneruskan pendidikan kaum Cina. Ini juga secara langsung menyebabkan jumlah pelajar Cina Thailand yang melanjutkan pendidikan Cina di Pulau Pinang mengalami penurunan yang signifikan jika dibandingkan dengan tahun 1948-1956. Kedua, dan yang paling penting, dari tahun 1957 hingga 1967, dasar asimilasi kerajaan Thailand menunjukkan hasil yang berkesan. Oleh itu, orang Cina Thai pada zaman ini tidak menganggap pendidikan kaum Cina adalah penting.⁶⁵ Maka, tidak dapat dielakkan kaum Cina Thailand akan mengurangkan jumlah generasi muda mereka ke Pulau Pinang untuk mengikuti pendidikan Cina tempatan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pertama sekali disebabkan pengaruh dasar domestik Tanah Melayu / Malaysia dari tahun 1957 hingga 1967, keadaan pelajar kaum Cina Thailand yang belajar di Pulau Pinang masih wujud, tetapi jumlahnya telah berkurangan dengan banyaknya. Kedua, pada tempoh 1957-1967, daya tarikan Sekolah Menengah Han Chiang terhadap pelajar Cina Thailand jauh lebih besar daripada Sekolah Menengah Chung Ling. Melalui analisis dalam artikel ini, dapat disimpulkan bahawa di Malaysia dan Thailand, dua negara di Asia Tenggara yang memiliki komuniti Cina yang besar, sikap terhadap pendidikan bahasa Cina sangat berbeza. Di Malaysia, pendidikan bahasa Cina tidak hanya melayani masyarakat Cina setempat, tetapi juga memiliki dampak penting bagi seluruh wilayah Asia Tenggara. Sistem pendidikan ini tidak hanya melestarikan dan memperkaya budaya Cina, tetapi juga memberikan pengalaman dan sumber daya berharga untuk pendidikan bahasa Cina di seluruh kawasan tersebut. Pendekatan pendidikan bahasa Cina di Malaysia mencerminkan konsep integrasi budaya yang beragam, memberikan peluang belajar yang setara bagi semua etnik, dan mendorong keharmonian dan kestabilan sosial. Sebaliknya, Thailand menunjukkan dukungan yang lebih rendah terhadap pendidikan bahasa Cina, yang mungkin dipengaruhi oleh faktor politik dan budaya setempat. Perbezaan ini tidak hanya mencerminkan sikap terhadap pelestarian budaya dan warisan bahasa, tetapi juga membentuk pola pendidikan dan ciri budaya masyarakat masing-masing.

Maka, perbezaan pendekatan terhadap pendidikan bahasa Cina di kedua-dua negara ini tidak hanya berkaitan identiti budaya masyarakat Cina setempat, tetapi juga melibatkan kepelbagaian budaya dan arah perkembangan yang diinginkan untuk seluruh wilayah Asia Tenggara. Kajian mendalam terhadap topik ini dapat membantu pemahaman yang lebih baik terhadap orientasi berbeza dalam

pendidikan budaya di negara berlainan, memberikan rujukan yang berharga untuk mempromosikan kerjasama dan pertukaran budaya di peringkat rantau itu.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Tan Chee Seng, penasihat akademik disertasi saya, atas bimbingan, sokongan, dan inspirasi yang diberikan kepada saya sepanjang penulisan artikel ini. Beliau memberikan sumbangan yang berharga dalam pembangunan kerangka kerja kajian ini dan mengemaskini artikel ini selain memberikan pandangan yang mendalam yang telah membantu meningkatkan kualiti kajian saya.

Nota

* Artikel ini dikemaskini daripada sebahagian disertasi Sarjana Sastera Mod Campuran (Sejarah Asia Tenggara) Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (2023) bertajuk “Kaum Cina Thailand Dalam Sejarah Pendidikan Cina Di Pulau Pinang, 1948-1975” (Penyelia: Dr. Tan Chee Seng).

¹ Act, E., Kuala Lumpur, Ministry of Education, 1961.

² *Xinzhong Yuanbao* (New Central Plains Daily), June 11, 1989, [新中原报, 1989年7月11日。].

³ Sekolah Menengah Chung Ling. (1948-1956), “1948-1956nian Chungling Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah 1948-1956)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.

⁴ Sekolah Menengah Han Chiang, “1953nian Hanchiang Zhongxue Jianxiao Tekan 1950nian Jianxiao (Majalah Khas Tamat Persekolahan HCHS (Ditubuhkan pada 50-an)”. Hanjiang Zhongxue Jianxiao Tekan, Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang; Sekolah Menengah Han Chiang. (1954-1, Sekolah Menengah Han Chiang, 1953.

⁵ Xiongpu, F., & Chengjia, X., *Huaqiao Huaren Gaikuang* (Gambaran Keseluruhan Mengenai Orang Cina dan Diaspora Cina). Beijing: Penerbitan Huaciao Cina China, 1993, hlm. 138. [方雄普, 《华人华侨概况》, 北京: 中国华侨出版社。].

⁶ Ibid., hlm. 139.

⁷ Ibid., hlm. 139.

⁸ Watson, J. K. P. (1976). *A Conflict of Nationalism: The Chinese and Education in Thailand, 1900-1960*. Penerbit: Paedagogica Historica, hlm. 424.

⁹ Ibid., hlm. 424.

¹⁰ Ibid., hlm. 91.

¹¹ Malaysia, J. P., *Negaraku 60 Tahun Merdeka*, Jabatan Penerangan, 2017.

¹² Ordinan Pelajaran, 1957, Bahagian ke-3.

¹³ Watson, J. K. P., *A Conflict of Nationalism: The Chinese and Education in Thailand, 1900– 1960*. Paedagogica Historica, 1976, hlm. 127.

¹⁴ Ibid., hlm. 438.

¹⁵ Worrachaiyut, S., *Taiguo Hanyujiaoyuzhengce jiqi Shishiyianjiu* (Kajian Dasar Pendidikan Bahasa Cina di Thailand dan Pelaksanaannya), *Huadong Shifan Daxue Boshi Lunwen* (Tesis Doktor, Universiti Huadong Shifan), 2012, [韦丽娟, 《泰国汉语教育政策及其实施研究》, 博士论文, 华东师范大学。].

¹⁶ Xiongpu, F., & Chengjia, X., *Huaqiao Huaren Gaikuang* (Gambaran Keseluruhan Mengenai Orang Cina dan Diaspora Cina). Beijing: Penerbitan Huaciao Cina China, 1993, hlm. 138. [方雄普, 《华人华侨概况》, 北京: 中国华侨出版社。].

¹⁷ Zhou, Yu'e, *Dongnanya Huawen Jiaoyu* (Pendidikan Cina di Asia Tenggara). Guangzhou: Penerbitan Universiti Jinan, 1996, hlm. 280. [周聿娥, 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].

- ¹⁸ Phichai Kiss Thanabon (พิชัย จุฬานบต). 1975. รายงานการวิจัยประเด็นโรงเรียนจีน (Laporan Kajian Isu Sekolah Cina) , Jilid 1, “*Jinghua Daily*” Thailand, 29 Jun.
- ¹⁹ Watson, J. K. P., *A Conflict of Nationalism: The Chinese and Education in Thailand, 1900–1960*. Paedagogica Historica, 1976, hlm. 442.
- ²⁰ Zhang, Zhengfan, *Jinliushinian Nanyang Huaqiao Jiaoyushi* (Sejarah Pendidikan Diaspora Cina di Nusantara Selama Hampir Enam Puluh Tahun). Taibei: Penerbitan Warisan Pusat Taipei, 1956, hlm. 66-67. [张正藩, 《近六十年南洋华侨教育史》, 台北: 中央文化出版社。].
- ²¹ Jiang, Baichao, *Taiguo Huaqiao Huaren Xianzhuan Shuliue* (Situasi Terkini Orang Cina dan Diaspora Cina di Thailand), *Journal Universiti Shantou: Edisi Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1989, hlm. 104. [江白潮, 《泰国华侨华人现状述略》, 汕头大学学报: 人文社会学科报。].
- ²² Watson, J. K. P., *Educational development in Thailand*, 1980, hlm. 128.
- ²³ Ibid., hlm. 129.
- ²⁴ Ibid., hlm.128.
- ²⁵ Ibid.
- ²⁶ Ibid.
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ Skinner, G. W., *Report on the Chinese in Southeast Asia, December 1950 (No.1)*. 1950, hlm. 145.
- ²⁹ Penh Pisut Inthorn Phirom เพ็ญ พิสุทธิ์ อินทร ภิมมย์. รัฐไทยและชาวจีน (พ.ศ. 2475-2487) (Keadaan Thailand dan Masyarakat Cina , 1932-1944), Tesis Doktorat, Universiti Chulalongkorn, hlm. 129.
- ³⁰ Skinner, G. W., *Report on the Chinese in Southeast Asia, December 1950 (No.1)*, 1950, hlm. 142.
- ³¹ Ibid., hlm. 139.
- ³² Pichai, Rattana, Pol พิชัย รัตน์ พล. วิวัฒนาการการควบคุมโรงเรียนจีน (Evolusi Kawalan Sekolah Cina), 1969, hlm. 42.
- ³³ Ibid., hlm. 63.
- ³⁴ Zhou, Yu’e, *Dongnanya Huawen Jiaoyu* (Pendidikan Cina di Asia Tenggara). Guangzho, Penerbitan Universiti Jinan, 1996, hlm. 289. [周聿峨, 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].
- ³⁵ *Jinian Taiguo Wangshizongci Chengli Shizhounian Tekan* (Majalah Istimewa Perayaan Sepuluh Tahun Penubuhan Keluarga Wang di Thailand), 1984, hlm. 45. [<纪念泰国王氏宗祠成立十周年特刊>, 1984年。].
- ³⁶ Zhou, Yu’e, *Dongnanya Huawen Jiaoyu*, 1996, hlm. 278. [周聿峨, 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].
- ³⁷ *Tan Taiguo Huawenxuexiao* dalam *Balangongli Peihua Xuexiao Sanshiyi Zhounian Xinxiaoluocheng Jinian Zazhi* (Majalah Sambutan Ulang Tahun ke-31 dan Majlis Penyerahan Sekolah Baru SMJK Phai Wah Balik Pulau di Thailand), 1988, hlm. 57. [《谈泰国华文学校, 巴兰公立培华学校31周年新校落成纪念杂志》, 1988年。].
- ³⁸ *Lianhe Zaobao* (Berita Harian Bersatu), 5 Mac 1990, [联合早报, 1990年5月5日].
- ³⁹ Skinner, G. W., *Report on the Chinese in Southeast Asia, December 1950 (No.1)*. 1950, hlm.137.
- ⁴⁰ Ibid., hlm. 142.
- ⁴¹ Ibid., hlm. 138.
- ⁴² Kua Kia Soong, *Malaixiya Huajiao Fendoushi* (Sejarah Perjuangan Pendidikan Cina di Malaysia). Kuala Lumpur, Pusat Komuniti Cina, 1989, hlm. 55. [柯嘉逊, 《马来西亚华教奋斗史》, 吉隆坡: 华社中心。].
- ⁴³ Andaya, B. W., & Andaya, L. Y., *A history of Malaysia*. Bloomsbury Publishing, 2017, hlm. 269.
- ⁴⁴ Ibid., hlm. 271.
- ⁴⁵ Zhou, Yu’e, *Dongnanya Huawen Jiaoyu* (Pendidikan Cina di Asia Tenggara), Guangzhou, Penerbitan Universiti Jinan, 1996, hlm. 139. [周聿峨, 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].
- ⁴⁶ Ibid., hlm. 139.

⁴⁷ Ibid., hlm. 137.

⁴⁸ Kua Kia Soong, *Malaixiya Huajiao Fendoushi* (Sejarah Perjuangan Pendidikan Cina di Malaysia), Kuala Lumpur, Pusat Komuniti Cina, 1989, hlm. 55. [柯嘉逊, 《马来西亚华教奋斗史》, 吉隆坡: 华社中心。].

⁴⁹ Hansard, Perbahasan Ordinan Pelajaran 1957, 20 Oktober 1961, hlm. 2074.

⁵⁰ *Laporan Razak 1956*, mukadimah, hlm. 1.

⁵¹ *Penyata Razak 1956*, hlm. 12.

⁵² Ibid., hlm. 12.

⁵³ *Laporan Rahman Talib*, mukadimah164, hlm. 29.

⁵⁴ Akta Pendidikan 1957, Seksyen ke-3.

⁵⁵ *Laporan Rahman Talib*, mukadimah164, hlm. 29.

⁵⁶ Village, C. P., Mainly about Malaysians. (1939, June 11). *The Straits Times*. 1957, hlm. 8.

⁵⁷ Rabushka, A., & Shepsle, K., *Politics in plural societies*. Columbus, OH, Charles E. Merrill, 1972, hlm. 232.

⁵⁸ *Laporan Rahman Talib* mukadimah164, hlm. 29.

⁵⁹ Ibid., m.s.29.

⁶⁰ Ibid., m.s.32.

⁶¹ *Laporan Rahman Talib*, mukadimah164, hlm. 29.

⁶² Kua Kia Soong, *Malaixiya Huajiao Fendoushi*, 1989. m.s.72-74. [柯嘉逊, 《马来西亚华教奋斗史》, 吉隆坡: 华社中心。].

⁶³ Tan Eng Chaw. *Huigu Hanzhong Jianyi de Beiyong (Looking back on the perseverance of Hanjiang High School), Hanjiang High School 60th Anniversary Special Issue, Penang: Hanjiang High School*, hlm. 218. [陈荣照, <回顾韩中坚毅的背影>, 《韩江中学 创校 60 周年纪念特刊》, 檳城: 韩江中学。].

⁶⁴ Kua Kia Soong. *Malaixiya Huajiao Fendoushi*, 1989, hlm. 76. [柯嘉逊, 《马来西亚华教奋斗史》, 吉隆坡: 华社中心。].

⁶⁵ Zhou, Yu'e. *Dongnanya Huawen Jiaoyu*, 199, hlm. 278. [周聿峨, 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].

Rujukan

Act, E. 1961. Kuala Lumpur: Ministry of Education.

Akta Pendidikan 1957. Seksyen ke-3.

Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. 2017. *A History of Malaysia*. Bloomsbury Publishing.

Hansard. Perbahasan Ordinan Pelajaran 1957. 20 Oktober 1961.

Jiang, Baichao. 1989. *Taiguo Huaqiao Huaren Xianzhuang Shulüe* (Situasi Terkini Orang Cina dan Diaspora Cina di Thailand). *Journal Universiti Shantou: Edisi Sains Sosial dan Kemanusiaan*. [江白潮, 《泰国华侨华人现状述略》, 汕头大学学报, 人文社会学科报。].

Jinian Taiguo Wangshizongci Chengli Shizhounian Tekan (Majalah Istimewa Perayaan Sepuluh Tahun Penubuhan Keluarga Wang di Thailand). 1984. [<纪念泰国王氏宗祠成立十周年特刊>, 1984年。].

Kua, Kia Soong. 1989. *Malaixiya Huajiao Fendoushi* (Sejarah Perjuangan Pendidikan Cina di Malaysia). Kuala Lumpur: Pusat Komuniti Cina. [柯嘉逊, 《马来西亚华教奋斗史》, 吉隆坡: 华社中心。].

Laporan Rahman Talib.

Laporan Razak 1956.

Li, Wanyue. 2016. “*Dongnanya Huawen Jiaoyushi* (Sejarah Pendidikan Bahasa Cina di Asia Tenggara)”, Tesis Doktorat. Heilongjiang: Universiti Normal Haerbin. [李晚月, 《东南亚华文教育史》, 博士论文, 黑龙江: 哈尔滨师范大学。].

- Lianhe Zaobao*. Berita Harian Bersatu. 5 Mac 1990.
- Malaysia, J. P. 2017. *Negaraku 60 Tahun Merdeka*. Jabatan Penerangan.
- Ordinan Pelajaran. 1957. Bahagian ke-3.
- Penh Pisut Inthorn Phirom เพ็ญ พิสุทธิ์ อินทร ภิรมย์. รัฐไทยและชาวจีน (พ.ศ. 2475-2487). Keadaan Thailand dan Masyarakat Cina 1932-1944. Tesis Doktorat. Universiti Chulalongkorn.
- Penyata Razak 1956*.
- Phichai Kiss Thanabon พิชัย จุฑนบดี. 1975. รายงานการวิจัยประเด็นโรงเรียนจีน (Laporan Kajian Isu Sekolah Cina). Jilid 1, “*Jinghua Daily*” Thailand, 29 Jun.
- Pichai, Rattana, Pol พิชัย รัตน์ พล. 1969. วิวัฒนาการการควบคุมโรงเรียนจีน (Evolusi Kawalan Sekolah Cina).
- Rabushka, A., & Shepsle, K. 1972. *Politics in plural societies*. Columbus, OH: Charles E. Merrill.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1948. “1948nian Gaozhong Diwujie Biyekan (1948 Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Kelima 1948)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1948. “1948nian Chuzhong Diershiyijie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-21 1948)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1948. “1948nian Gaozhong Diliujie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Keenam 1948)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1949. “1949nian Chuzhong Diershierjie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-22 1949)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1949. “1949nian Gaozhong Diqijie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-7 1949)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1950. “1950nian Chuzhong Diershisanjie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-23 1950)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1950. “1950nian Gaozhong Dibajie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-8 1950)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1951. “1951nian Chuzhong Diershisijie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-24 1951)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1951. “1951nian Gaozhong Dijujie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-9 1951)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1952. “1952nian Chuzhong Diershiwujie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-25 1952)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1952. “1952nian Gaozhong Dishijie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-10 1952)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1953. “1953nian Chuzhong Diershiliujie Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-26 1953)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.

Perubahan Kemasukan Pelajar Cina Thailand dalam Sejarah Pendidikan Cina di Pulau Pinang

- Sekolah Menengah Chung Ling. 1953. “1953nian Gaozhong Dishiyijie Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-11 1953)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1954. “1954nian Gaozhong Dishierjie Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-12 1954)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1955. “1955nian Chuzhong Diershibajie Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-28 1955)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1955. “1955nian Gaozhong Shangke Disijie Biyetekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Perniagaan Ke-4 1955)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1956. “1956nian Chuzhong Diershijiuje Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-29 1956)”, Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1956. “1956nian Gaozhong Dishisijie he Gaozhong Shangke Diwujie Biyetekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-14 1956 dan Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Perniagaan Ke-5 1956)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1957. “1957nian Chuzhong Disanshijie Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Rendah Ke-30 1957)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1957. “1957nian Gaozhong Dishiwujie Biyetekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-15 1957)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1958. “1958nian Gaozhong Dishiliujie he Gaozhong Shangke Diqijie Biyetekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-16 1958 dan Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Perniagaan Ke-7 1958)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1959. “1959nian Gaozhong Dishiqijie Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-17 1959)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1960. “1960nian Gaozhong Dishibajie Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-18 1960)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1961. “1961nian Gaozhong Dishijiuje Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-19 1961)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1962. “1962nian Gaozhong Diershijie Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-20 1962)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1963. “1963nian Gaozhong Diershiyijie Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-21 1963)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1964. “1964nian Gaozhong Diershierjie Gaozhong Biyekean (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-22 1964)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.

- Sekolah Menengah Chung Ling. 1965. “1965nian Gaozhong Diershisanjie Gaozhong Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-23 1965)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1966. “1966nian Gaozhong Diershisijie Gaozhong Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-24 1966)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Chung Ling. 1967. “1967nian Gaozhong Diershiwujie Gaozhong Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Ke-25 1967)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Chung Ling.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1953. “Hanjiang Zhongxue Jianxiao Tekan (Majalah Khas Tamat Persekolahan HCHS Ditubuhkan pada 50-an)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1954. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1955. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1956. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1957. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1958. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1959. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1960. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1961. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1962. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1963. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1964. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1965. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1966. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Sekolah Menengah Han Chiang. 1967. “Hanjiang Zhongxue Biyekan (Majalah Tamat Persekolahan Sekolah HCHS)”. Pulau Pinang: Sekolah Menengah Han Chiang.
- Skinner, G. W. 1950. *Report on the Chinese in Southeast Asia*, December 1950 (No.1).
- Tan, Eng Chaw. *Huigu Hanzhong Jianyi de Beiyong* (Looking back on the perseverance of Hanjiang High School), Hanjiang High School 60th Anniversary Special Issue. Penang: Hanjiang High School. [陈荣照, <回顾韩中坚毅的背影>, 《韩江中学 创校 60 周年纪念特刊》, 槟城: 韩江中学。].

- Tan Taiguo Huawenxuexiao dalam Balangongli Peihua Xuexiao Sanshiyi Zhounian Xinxiaoluocheng Jinian Zazhi* (Majalah Sambutan Ulang Tahun ke-31 dan Majlis Penyerahan Sekolah Baru SMJK Phai Wah Balik Pulau di Thailand). 1988. [《谈泰国华文学校, 巴兰公立培华学校 31周年新校落成纪念杂志》, 1988年。].
- Village, C. P. 1957. Mainly about Malaysians. (1939, June 11). *The Straits Times*.
- Watson, J. K. P. 1976. *A Conflict of Nationalism: The Chinese and Education in Thailand, 1900-1960*. Penerbit Paedagogica Historica.
- Watson, J. K. P. 1980. *Educational development in Thailand*.
- Worrachaiyut, S. 2012. *Taiguo Hanyujiaoyuzhengce jiqi Shishiyanjie* (Kajian Dasar Pendidikan Bahasa Cina di Thailand dan Pelaksanaannya). Huadong Shifan Daxue Boshi Lunwen (Tesis Doktor, Universiti Huadong Shifan). [韦丽娟, 《泰国汉语教育政策及其实施研究》, 博士论文, 华东师范大学。].
- Xinzhong Yuanbao* (New Central Plains Daily). June 11, 1989. [新中原报, 1989年7月11日。].
- Xiongpu, F., & Chengjia, X. 1993. *Huaqiao Huaren Gaikuang* (Gambaran Keseluruhan Orang Cina di Luar Negara). Beijing: Penerbitan Huaciao Cina China. [方雄普, 《华人华侨概况》, 北京: 中国华侨出版社。].
- Zhang, Zhengfan. 1956. *Jinliushinian Nanyang Huaqiao Jiaoyushi* (Sejarah Pendidikan Diaspora Cina di Nusantara Selama Hampir Enam Puluh Tahun). Taipei: Penerbitan Warisan Pusat Taipei. [张正藩, 《近六十年南洋华侨教育史》, 台北: 中央文化出版社。].
- Zhou, Yu'e. 1996. *Dongnanya Huawen Jiaoyu* (Pendidikan Cina di Asia Tenggara). Guangzhou: Penerbitan Universiti Jinan. [周聿峨. 《东南亚华文教育》, 广州: 暨南大学出版社。].